

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG  
(SIBUTI)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kutipan yang diperolehi melalui kutipan di pelbagai sektor dalam negeri Sarawak dan sektor apakah menyumbang kutipan GST yang tertinggi sejak 2015 dan 2016.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Kutipan cukai di sesuatu negeri termasuklah di negeri Sarawak adalah tidak menggambarkan sumbangan pendapatan secara langsung yang

dihasilkan daripada aktiviti ekonomi di negeri tersebut. Ini disebabkan lokasi kutipan cukai oleh JKDM adalah berbeza dengan tempat di mana aktiviti ekonomi dijalankan atau negeri tempat operasi syarikat yang berdaftar GST.

Namun begitu, selaras dengan amalan pentadbiran aktiviti pengutipan cukai yang dibuat mengikut lokasi pembayaran, pengimportan serta pembekalan barangan dan perkhidmatan, kutipan mengikut lokasi masih direkodkan di peringkat negeri-negeri. Jumlah kutipan GST di negeri Sarawak bagi tahun 2015 dan 2016 adalah masing-masing sebanyak RM813.27 juta dan RM1,418.9 juta. Bagi tahun 2017 pula, sebanyak RM1,137.67 juta telah dipungut sehingga 16 Oktober 2017.